

**S.P. Pentadbiran BPS UPSI Bilangan 10 Tahun 2016**  
(Surat Pemberitahuan)

Tarikh: 21 Oktober 2016

Semua Kakitangan  
Bahagian Pembangunan Sahsiah

Tuan,

**LANGKAH KESELAMATAN DAN PENJIMATAN PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK DI PUSAT PELAJAR**

Dengan hormatnya merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tenaga JHEPA Bil 3/2016 pada 20 Oktober 2016 yang telah memaklumkan penggunaan tenaga elektrik di Bangunan Pusat Pelajar berdasarkan rekod pada bulan Jun 2016 hingga September 2016 yang melebihi "baseline".

Berkuatkuasa 26 Oktober 2016 semua pintu keluar bangunan Pusat Pelajar kecuali Pintu Utama akan dikunci selepas jam 5:00 petang setiap hari bekerja bagi langkah keselamatan. Pintu berkenaan akan berterusan dikunci pada hari minggu kecuali ada permohonan bagi penggunaannya. Manakala lampu utama bangunan akan ditutup selepas jam 12:00 malam oleh Bahagian Keselamatan sebagai langkah penjimatan pengurusan tenaga elektrik

Sehubungan itu, notis "Pintu Ini Akan Ditutup Pada Jam 5 petang" akan dinaikkan di pintu berkenaan dan tugas mengunci pintu akan dijalankan oleh Pembantu Operasi setiap hari bekerja. Kakitangan lain juga boleh membantu urusan ini jika diminta berbuat demikian.

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pembangunan Sahsiah

\* dokumen ini merupakan cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

